

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]  
TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah aktiviti penambakan laut "*Penang South Reclamation*" memberi kesan kepada nelayan-nelayan pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau dan Kuala Muda, kerana ini adalah golongan B40 dan apakah kesan kepada pantai berlumpur dan landai yang banyak *Benthic organisms*, yang menjadi tempat penyinggahan burung-burung hijrah di pantai Kuala Gula dan Telok Air Tawar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Penang South Reclamation* (PSR) merupakan projek pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membina 3 buah pulau jadian di bahagian selatan Pulau Pinang. Projek ini melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,800 hektar dan dijangka akan mengambil masa antara 30 hingga 50 tahun untuk disiapkan. Kementerian ini secara jelas telah menyatakan pendirian bahawa projek PSR ini akan menjejaskan sumber perikanan dan hasil pendapatan nelayan.

2. Aktiviti pengorekan pasir di perairan negeri Perak bagi tujuan penambakan PSR akan menjejaskan sumber perikanan dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk dipulihkan. Dianggarkan sejumlah 35,000 tan metrik dengan nilai berjumlah RM250 juta setahun pendaratan marin akan merosot. Ini seterusnya menyebabkan pendapatan kepada kira-kira 2,300 nelayan pesisir pantai dan 30 penternak akuakultur di Tanjong Piandang, Kuala Kurau dan Kuala Muda terkesan.

3. Aktiviti pengorekan pasir berhampiran Kuala Gula juga akan memberi kesan kepada ekosistem dataran lumpur dan rantai makanan (*sessile benthic organisms*) kepada burung-burung hijrah yang mencari makanan di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan kajian hidraulik secara menyeluruh bagi mengenal pasti potensi impak dan kesan magnitud akibat daripada proses hakisan dan pemendapan seperti yang telah dijalankan bagi projek PSR di Pulau Pinang.

4. Dalam memastikan kelestarian sumber perikanan dan kebajikan nelayan terbelah, Kementerian ini juga telah menyarankan supaya langkah-langkah mitigasi mesti dilaksanakan tanpa gagal oleh Kerajaan Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.